



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI EKONOMI (B.2 EB.3 / B.2)  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI EKONOMI  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

**1. a) TANGGAGAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi (*Economy*) / Kewangan (*Finance*) / Matematik (*Mathematics*) / Perangkaan (*Statistics*) / Sains Aktuari (*Actuarial Science*) atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**b) TANGGAGAJI B.2:**

- i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang Ekonomi (*Economy*) / Kewangan (*Finance*) / Matematik (*Mathematics*) / Perangkaan (*Statistics*) / Sains Aktuari (*Actuarial Science*) atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik sebagai Penolong Pegawai Ekonomi atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Melaksanakan dan menguatkuasa perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Perintah Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011;
2. Mengendalikan dan melaksana usaha-usaha pemberigaan berkaitan kawalan harga dan perlindungan pengguna, termasuk merancang pelan komunikasi tahunan dan menyelaras dengan pihak-pihak berkepentingan;
3. Menjalankan kajian semula (*review*), penyelidikan dan rancangan penambahbaikan terhadap dasar, perundangan dan sistem berkaitan dengan kawalan harga dan perlindungan pengguna dan mencadangkan sebarang penambahbaikan proses kerja yang berhubungkait dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Perintah Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) 2011;
4. Menjalankan penyelidikan dan analisa mengenai trend atau perubahan harga bagi barang yang dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan barang asasi tertentu yang dipantau harga;
5. Menyediakan laporan dan input mengenai analisa berkaitan trend atau perubahan harga bagi barang yang dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan barang asasi tertentu yang dipantau harga untuk dihadapkan kepada pihak yang berkenaan termasuk Jawatankuasa-Jawatankuasa dan pegawai selia yang relevan; dan
6. Melaksanakan dan menerima tugas / arahan daripada pegawai atasan dari semasa ke semasa.